



MAKLUMAT PENGULAS

Nama peserta : Nur Athirah binti Che Zahariman

Jabatan /
Bahagian : Pengurusan Pengetahuan

MAKLUMAT BUKU

Tajuk buku : CHAIYOK!

Tempat
terbitan : Petaling Jaya, Selangor

Penerbit : Galeri Ilmu

Jumlah muka
surat : 242

Tahun terbitan : 2020

Sasaran umur
pembaca : 12 tahun dan ke atas

Komen fizikal : 1) Buku bersaiz sederhana, mudah dibawa ke mana-mana untuk dibaca
2) Tulisan berwarna, saiz yang sesuai tidak terlalu besar dan tidak terlalu kecil

Positif : Setiap penulis menceritakan kisah mereka bangkit selepas jatuh atau berputus asa untuk menjadi pendidik, pendakwah mahupun menyampaikan sesuatu kebaikan.

Negatif : Penulis ada menceritakan kisah beliau berputus asa. Yang merupakan nilai negative bagi seorang yang ingin menyampaikan kebaikan.

Kelebihan : Diselitkan ayat Al-quran berdasarkan kisah yang diceritakan, menjadikan pembaca mengaitkan cabaran yang dihadapi oleh penulis dengan perintah dan peringatan Tuhan.

Luahan rasa : Lain waktu, lain cabarannya. Lain orang, lain sukatan besar kecil ujian yang akan menimpa. Namun yang pasti, naskhah CHAIYOK! Ini membaca kisah –kisah hebat dan istimewa. Tidak semua orang berpeluang melaluinya, namun kini sebagai pembaca buku ini, semua orang boleh rasa pahit getirnya.

Ulasan

: Chaiyok! Dalam bahasa cina membawa erti bersemangatlah atau berusaha. Buku ini menghimpunkan pengalaman pendakwah mahupun pendidik dalam menghadapi saat sukar dalam hidup mereka dalam menyampaikan ilmu dan juga kebaikan.

Antara kisah yang dikongsi ialah Bonda Nor yang terkenal sebagai penulis buku motivasi dan juga pendakwah. Beliau disenaraikan sebagai antara penulis yang menerima royalti berdasarkan cetakan buku beliau setiap tahun. Tetapi kehidupan beliau sebenarnya disebaliknya, tiada aset yang ditambah kerana banya dialirkan dan hamper kesemuanya lebur untuk projek-projek penyebaran ilmu dan buku-buku. Beliau pernah penat dan diuji pelbagai ujian semasa menghadiri sebuah majlis ilmu, saat beliau lelah menghapi ujian tersebut beliau terbaca ayat Al-quran (Al-Imran 3:145) dan sungguh terasa tertampar dengan 'peringatan' tersebut. Beliau bangkit dan berikrar untuk terus harungi dan takkan jemu menabur bakti.

Kisah-kisah yang diceritakan oleh penulis dalam menyampaikan ilmu menyuntik semangat pembaca untuk terus berusaha untuk melakukan kebaikan meskipun pelbagai rintangan harus dihadapi. Walaupun pembaca bukan merupakan seorang pendakwah tetapi kisah yang diceritakan menjadikan pembaca bersemangat untuk berjuang dan tidak berputus asa jika diuji berlain ujian.

Gambar Buku :

